

29 MAY 1996

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA AZERBAIJAN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Azerbaijan, Hayder Aliyev sempena hari kebangsaan negara itu.

Dalam satu kenyataan di sini, Wisma Putra berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan serupa kepada Perdana Menteri Azerbaijan, Fuat Guliyev.

Dr Mahathir berharap hubungan erat sedia terjalin antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula yang menghantar ucapan serupa kepada rakan sejawatannya Hasan Hasanov melahirkan keyakinan bahawa kerjasama dalam semua bidang dan hubungan berbaik-baik antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan lagi.-- BERNAMA

HAK OBA